

# DR. M SAMA HEBATNYA DENGAN THATCHER?

W 8 APR 1988

DEMOKRASI biasanya dimaksudkan sebagai satu sistem pemerintahan dan pentadbiran yang memberikan peluang kepada rakyat untuk menentu dan memilih kerajaan. Ianya adalah satu amalan politik dan sistem berkerajaan yang berdasarkan apa jua kepentingan majoriti rakyat.

Atas andaian dan pandangan begini, maka apapun bentuk dan amalan sebenar pemerintahan demokrasi itu, ianya biasanya tidak banyak menimbulkan persoalan asalkan segala kepentingan majoriti rakyat itu dipenuhi dan dicapai. Rakyat iaitu pengundi-pengundi mempunyai peluang untuk sama ada memilih ataupun menggantikan atau sebaliknya meneruskan kedudukan dan kekuasaan yang telah sedia ada pada mana-mana parti politik yang sudah berkuasa itu bila tiba masanya pilihanraya umum diaadakan.

Maka itu, bilamana DS Dr. Mahathir dituduh sebagai sengaja membiarkan UMNO (Lama) diharamkan dalam usahanya untuk "mengenenipkan" musuh-musuh politiknya dan seterusnya menubuhkan UMNO (Baru) mengikut "selera" politiknya sahaja, maka kesimpulan yang mudah dibuat padanya ialah beliau berminat untuk menjadi seorang "Diktator". Atau setidak-tidaknya menghadkan lagi hak rakyat bersuara dalam politik untuk seterusnya membolehkan beliau pada akhir-akhirnya menubuhkan sebuah kerajaan "Demokrasi Terkawal" atau "Demokrasi Berpusat" sebagaimana yang dapat di kesan kewujudannya di beberapa buah negara, termasuklah beberapa buah negara jiran. Dan kerana itu pula, beliau telah dikatakan sebagai cukup mengagumi cara dan gaya kepimpinan beberapa orang rakannya di rantau ini terutamanya Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew dan juga Presiden Suharto, Indonesia. Atau lebih jauh sedikit ialah bagaimana politik Tanaka di Jepun dan "Iron Lady" Margaret Thatcher di Britain. Di negara-negara yang disebutkan ini, kedudukan tokoh-tokoh yang disebutkan ini adalah cukup kuat dan berbeza daripada pemimpin-pemimpin politik rakan dan lawan masing-masing, termasuklah peranan dan kedudukan parti-parti pembangkang yang semakin lemah dan pupus itu.

Oleh:  
HUSSAIN MOHAMED

telah diharamkan itu, maka tanggapan yang terlalu buruk itu lebih banyak berbau politik dan sentimen yang berat sebelah. Ia barangkali sengaja diada-adakan dan dibesarkan semata-mata untuk menjatuhkan Dr. Mahathir sendiri.

Dan sikap seperti ini tentulah tidak sukar untuk dicari sebab dan akibatnya kerana banyak tindakan yang dilakukan oleh beliau sejak menjadi Perdana Menteri dalam bulan Julai 1981 lalu, boleh jadi banyak pula merugikan pihak-pihak yang beranggapan demikian. Maka itu, sekiranya mereka yang mengkritiknya adalah terdiri daripada orang-orang yang pernah bekerjasama dengan beliau selama ini, kritikan tersebut masih "belum matang" dan "tidak patut diterima" kerana pengkritik itu sendiri adalah sesungguhnya bertindak "menghina" perbuatannya sendiri yang pernah menyetujui dan "merestui" segala saranan dan tindakan yang dikemukakan oleh pemimpin mereka sebelum ini. Mereka baru bersedia untuk bertindak membuat sanggahan dan kritikan sesudah merasakan diri disisih dan diketepikan. Tentulah mengaibkan

Sehubungan dengan ini pula, untuk melaksanakan cita-citanya itu, kerajaan pimpinan Dr. Mahathir itu dikatakan bekerja keras melakukan banyak perubahan dan berusaha membuat beberapa pindaan ke atas perlembagaan dan undang-undang negara sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Setiap pindaan itu dikatakan semakin menyebabkan kedudukan dan kuasanya bertambah kuat.

Sementara dalam politik UMNO pula, beliau lebih banyak bertindak membuat sesuatu berdasarkan kemahuannya sendiri dan acapkali pula, dengan demikian, membelakangkan Majlis Kerja Tertinggi UMNO (Lama) sementara mesyuarat Kabinet tidak lebih hanyalah sebagai suatu majlis taklimat atau majlis "memberitahu" dan "meminta persetujuan" sahaja.

Persoalannya di sini ialah sejauh manakah benarnya segala tohmah dan sangkaan yang disebutkan di atas tentulah tidak siapa yang mengetahuinya dengan tepat dan nyata. Tetapi walaupun tohmah-tohmah itu datangnya daripada kalangan musuh politiknya dalam parti pimpinannya sendiri yang

dan tidak bermoral kalau seseorang janda atau duda berjaja ke sana sini memberitahu segala keburukan bekas teman hidupnya secara berlebihan semata-mata kerana sudah berlaku satu perceraian.

Dr. Mahatir adalah dari kalangan "rakyat biasa". Dan sebagai manusia biasa tentulah ada kelemahan dan kekurangannya yang tertentu. Cuma apa yang mungkin lebih membimbangkan ialah kerana latar belakang yang demikian itu telah mendorong ramai tokoh dan pemimpin rakan dan lawannya yang beranggapan bahawa oleh kerana UMNO dan politik orang Melayu umumnya masih tebal dengan faham feodalisma itu, maka seseorang "orang biasa" seperti beliau "sama layaknya" seperti kebanyakan tokoh yang lain dan kerana itu, tidak wajar diberikan tempat untuk memimpin. Apa lagi bilamana mengingatkan bahawa dalam

sejarah politik UMNOnya, beliau sendiri pernah "dipecat" dari parti dan dilabelkan pula sebagai seorang "Doktor UMNO" yang "ultra". Sedangkan ketiga-tiga orang bekas Perdana Menteri sebelum beliau adalah dari kalangan warisan dan keturunan "orang-orang bangsawan dan bergelar" yang barangkali mempunyai keistimewaan tertentu untuk tidak mudah didedahkan apa juga kesilapannya, skiranya ada, berbanding dengan yang diberikan perhatian pada Dr. Mahathir sendiri.

Tetapi sebagai seorang yang berkelulusan di bidang perubatan seperti Dr. Mahathir, adalah terlatih untuk lebih bersikap tidak perlu mendapat nasihat dan rayuan pesakit kalau mahu melakukan sesuatu tindakan yang akhirnya boleh menyebabkan pesakit itu sembuh dan sihat. Maka itu, beliau kadang-kala bertindak dan mengucapkan sesuatu secara terus terang dan kurang enak untuk didengari oleh orang-orang dalam masyarakat dan kalangan pengikutnya yang berbudaya "tidak suka berterus terang" itu. Sudah tentu bilamana hal ini terjadi dan berkembang dalam masyarakat, ia mudah sekali menimbulkan salah faham dan salah tafsir. Bila beliau mengemukakan projek kereta Proton Saga dahulu umpamanya, bukan sedikit orang-orang menampelaknya sedangkan sebilangan mereka ini jugalah

yang pada hari ini adalah merasa megah menjadi pemandu dan pemilik kereta yang bernama Proton Saga itu.

Sungguhpun banyak tindakan politik Dr. Mahathir seringkali dikatakan sebagai sama sebagaimana yang dilakukan oleh Lee Kuan Yew di Singapura, tetapi dalam banyak hal tokoh yang lebih wajar dibandingkan dengan beliau Puan Margaret Thatcher, Perdana Menteri Great Britain. Barangkali bandingan ini kurang tepat pada pandangan sesetengah kalangan. Apa lagi bilamana mengingatkan bahawa di sebalik Dasar Pandang Ke Timur itu, hubungan tradisi Malaysia - Britain telah menjadi gerhana. Malaysia dikatakan bertindak "Buy British Last" terhadap Britain. Dan Britain pula memandang serung terhadap pemimpin Malaysia yang nampaknya lain daripada yang lain itu.

Namun kedua-dua Perdana Menteri ini ternyata berhadapan dengan isu dan masalah sosio-ekonomi yang sama. Majoriti rakyat kedua-dua buah negara adalah golongan kurang bernasib baik dan hanya segelintir sahaja yang mewah. Warisan sosio-ekonomi yang diwarisi oleh Puan Thatcher sewaktu mula dilantik sebagai Perdana Menteri dalam tahun 1979 barangkali tidaklah terlalu jauh bezanya daripada keadaan yang pernah dan masih membelenggu masyarakat Malaysia sendiri di mana sejak tahun 1945, segala-gala yang bernama "British" itu adalah "cukup memalukan" orang-orang Inggeris sendiri.

Kedua-dua tokoh ini pula dikatakan mempunyai imej "uncaring" dan tegas serta keras terhadap apa juga tindakan yang dibuatnya. Tetapi bilamana mengingatkan bahawa di bawah pentadbiran Thatcher telah mula berkembangnya peluang-peluang bagi lebih ramai orang-orang Inggeris membeli dan memiliki saham dalam syarikat-syarikat awam yang telah diswastakan seperti British Telecoms dan British Gas juga British Airways atau tujuh lapangan terbang Britain (di bawah British Airport Authority) misalnya, sementara semakin terhakisnya imej mogok dalam gerakan kesatuan sekerja, semakin pupusnya tabiat "malas" Inggeris. Demikian juga kebanggaan orang Inggeris di zaman Thatcher dalam mempertahankan identiti teknologinya dalam suasana dunia yang dilanda kehebatan teknologi Jepun melalui beberapa projek "usahasama" Inggeris-Jepun sehingga lahirlah misalnya model-model kereta "Honda Acclaim" (kerjasama Rover - Honda) atau "Austin Montego" (kerjasama Austin - Nissan). Juga berjaya Britain mempertahankan kedudukannya di Pulau Falkland (Maldivas) daripada percubaan rampasan Argentina dalam tahun 1985. Itu belum lagi masuk kira "kehebatan" Thatcher sebagai "proxy" Eropah dan dunia Demokrasi-Kapitalis yang telah berjaya menyumbang dan mewujudkan persefahaman melalui lawatan dan perundingannya dengan pemimpin Soviet Russia, Mikhail Gorbachev, dalam bulan Mei 1987 yang kemudiannya membuka dan merintis jalan ke arah "penarikan" senjata-senjata nuklear jarak dekat dan sederhana di Eropah dalam satu perjanjian yang kemudiannya ditandatangani oleh Gorbachev dan Presiden Reagan di Washington pada akhir tahun tersebut.

Walau apapun tafsiran dibuat berhubung dengan gaya kepimpinan "Iron Lady" itu, namun dengan tindakan dan kejayaan yang dicapainya itu telah menyebabkan beliau dikagumi dan diberikan kepercayaan untuk memimpin kerajaan kali ketiganya melalui pilihanraya umum Jun 1987 lalu. Dan beliau dengan tegasnya menyatakan hajatnya untuk terus memimpin negara tahun demi tahun sehingga mungkin menjelang abad ke 21 nanti. Bagi beliau, banyak lagi agenda yang belum selesai untuk benar-benar meletakkan Britain sebagai negara anggota yang bermaruah serta berwibawa, terutama di kalangan rakan-rakan pentingnya dalam Pakatan Tujuh Negara Maju di dunia.